



10.10.2019

SIARAN MEDIA

ANUGERAH EMAS MEF UNTUK PBAPP

- **PBAPP memenangi “Anugerah Emas Kecemerlangan Majikan 2019” pada majlis ulang tahun ke 60 Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) di Kuala Lumpur.**

PULAU PINANG, Khamis, 10.10.2019: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) dipilih sebagai salah satu daripada dua penerima “Anugerah Kecemerlangan Majikan 2019” Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) pada Selasa, 8.10.2019.

Menteri Sumber Manusia YB M. Kula Segaran menyampaikan anugerah kepada Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd, Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa dan Ketua Divisyen Sumber Manusia PBAPP, En. Mohammad Zulkifli bin Abdul Hamid.

Turut hadir pada majlis penganugerahan di Holiday Villa Hotel & Conference Centre di Subang, ialah Timbalan Menteri Sumber Manusia YB Dato’ Mahfuz bin Omar dan Presiden MEF Tan Sri Dato’ Azman Shah Haron.

Anugerah dari MEF disampaikan kepada PBAPP untuk 6 sebab:

1	Hubungan harmoni antara PBAPP dan kakitangan pada keseluruhannya
2	Kestabilan syarikat
3	Peruntukan skim gaji yang kompetitif
4	Peruntukan pakej faedah perubatan yang kompetitif
5	Menyediakan program latihan pengetahuan dan kemahiran yang baik kepada kakitangan
6	Mematuhi semua peraturan-peraturan yang perlu dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967



Dato' Ir. Jaseni mengucapkan terima kasih kepada MEF untuk anugerah itu. "Ini adalah anugerah pertama yang kami terima sebagai majikan. Kami terharu mengetahui PBAPP diiktiraf sebagai majikan yang baik oleh rakan-rakan yang lain," katanya.

"Pengurusan PBAPP sentiasa memperakui kejayaan syarikat kami adalah disebabkan oleh prestasi terbaik *team* PBAPP. Ia adalah *team* PBAPP yang mengambil cabaran tiada catuan air di Pulau Pinang; dan tiada catuan air di Pulau Pinang sepanjang tempoh 20 tahun ini. Hari ini, *team* PBAPP ini masih bekerja keras demi memastikan bekalan air yang berterusan 24/7, 365 hari setahun.

"Oleh itu, kami berusaha untuk terus memotivasi semua kakitangan kami dengan menyediakan persekitaran kerja yang selamat, stabil dan harmoni; program peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang berterusan; pilihan kemajuan kerjaya dan pakej pekerjaan yang kompetitif kepada mereka," katanya. "Kami tidak akan tawarkan apa-apa yang kurang untuk *team* terbaik."

MEF adalah organisasi pusat bagi majikan sektor swasta di Malaysia yang diiktiraf di peringkat nasional, serantau dan global. Keahliannya meliputi lebih daripada 5,000 organisasi yang mewakili pelbagai industri; serta 22 persatuan kumpulan industri.

MEF merayakan ulang tahun ke-60 tahun ini; dan ini juga kali pertama persekutuan ini menyampaikan anugerah bagi "majikan cemerlang". PBAPP dan AXA Affin General Insurance Berhad merupakan Penerima "Anugerah Emas" 2019.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



8.10.2019: PBAPP receives the MEF “Employer Excellence Gold Award 2019”.



8.10.2019: PBAPP receives the MEF “Employer Excellence Gold Award 2019”.